

10 SEP 1996

PERDANA MENTERI CZECH AKHIRI LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Czech Vaclav Klaus berlepas pulang hari ini selepas lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berada di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Terdahulu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat jalan kepada Klaus dan isteri Livia Klausova di Carcosa Seri Negara.

Klaus diiringi 30 anggota rombongan termasuk Timbalan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri Jiri Weigi dan Pemangku Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Pavel Dvorak.

Semasa di sini beliau menandatangani satu perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Malaysia. -- BERNAMA

RHM RON